

Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia dilancar Isnin

Kuala Lumpur: Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia yang menyediakan skim pembiayaan merangkumi pinjaman langsung, jaminan pembiayaan dan suntikan ekuiti untuk memanfaatkan setiap usahawan tidak kira perusahaan mikro ataupun syarikat tersenarai awam akan dilancarkan Isnin ini.

Majlis pelancaran yang akan berlangsung di ibu negara akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan turut dihadiri Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Pada majlis itu, Ismail Sabri, dijadual berkongsi manfaat secara langsung mengenai inisiatif Semarak Niaga Keluarga Malaysia, terutama untuk kepentingan perusahaan mikro dan sektor perniagaan yang sebelum ini terjejas ekoran langkah sekatan pergerakan disebabkan pandemik COVID-19.

Sebahagian inisiatif di bawah Semarak Niaga Keluarga Malaysia juga sudah pun berjalan, termasuk Skim Pembiayaan Informal dan Mikro (SPIM) yang ditawarkan melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN), membatik peruntukan RM200 juta.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar, sebelum ini memaklumkan, TEKUN kini sedang memproses 23,277 permohonan sedia

ada di bawah SPIM, sejak permohonan skim itu dibuka awal bulan lalu'.

Zafrul ketika membentangkan Belanjawan 2022 tahun lalu, memaklumkan sejumlah keseluruhan RM40 bilion disediakan kerajaan menerusi pakej pembiayaan di bawah Program Semarak Niaga Keluarga.

Di bawah inisiatif itu, antaranya pembiayaan kredit mikro bernilai hampir RM1.8 bilion disediakan melalui pelbagai agensi seperti TEKUN, Agrobank, Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Rakyat dan Bank Negara Malaysia.

SPIM TEKUN pula menawarkan pinjaman sehingga RM10,000 pada kadar faedah sifar peratus berserta moratorium selama 12 bulan dengan keutamaan diberi kepada peniaga sektor informal dan mikro.

BSN dan Agrobank juga menawarkan pinjaman mikro sehingga RM75,000 pada kadar sifar peratus untuk enam bulan pertama berserta kemudahan moratorium sehingga enam bulan.

Kerajaan akan meneruskan Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER) dengan peruntukan RM10 juta bagi memulihkan aktiviti koperasi yang terjejas, disamping dana sebanyak RM30 juta akan disediakan untuk Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi.